

**SYARAT KELAYAKAN BANTUAN KEWANGAN RM3000.00 DI BAWAH
INISIATIF PAKEJ PERLINDUNGAN RAKYAT DAN PEMULIHAN EKONOMI
(PEMULIH) BAGI SYARIKAT MALAYSIA MY SECOND HOME (MM2H) YANG
BERLESEN DI BAWAH MOTAC**

1. Hanya **syarikat MM2H** yang mempunyai **lesen Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (*Inbound*)** di bawah **MOTAC** sahaja yang layak menerima bantuan kewangan ini.
2. Syarikat MM2H yang telah menerima bantuan kewangan RM3,000 di bawah inisiatif **PEMERKASA** adalah **layak secara automatik** bagi bantuan PEMULIH dan tidak perlu membuat permohonan.
3. **Permohonan baharu** adalah perlu bagi syarikat MM2H yang **tidak pernah menerima bantuan kewangan di bawah inisiatif PEMERKASA**.
 - i. Hanya pemegang lesen yang masih sah berkuatkuasa dengan **MOTAC** semasa permohonan dibuat layak menerima bantuan kewangan ini.
 - ii. Lesen perniagaan pengendalian pelancongan dalam negeri (MM2H) yang telah **tamat tempoh sah laku pada/selepas 1 Januari 2020** dan telah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen yang lengkap berserta dengan bayaran fi proses sebelum/pada **10 November 2021** berdasarkan Garis Panduan Pembaharuan Lesen sedia ada layak menerima bantuan kewangan ini.
 - iii. Lesen perniagaan pengendalian pelancongan dalam negeri (MM2H) yang **telah tamat tempoh sah laku sebelum/ pada 31 Disember 2019** dan telah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen dalam tempoh pelaksanaan **PEMERKASA & PEMULIH 2021 (17 Mac 2021 sehingga 10 November 2021)** tidak layak dipertimbangkan untuk menerima bantuan kewangan ini.
 - iv. Mana-mana Syarikat Pengendali Pelancongan (MM2H) yang mempunyai kompaun tertunggak yang dikeluarkan oleh MOTAC di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [*Akta 594*] masih layak untuk menerima bantuan kewangan ini.
 - v. Syarikat MM2H yang layak menerima bantuan ini perlu mengemukakan Borang PEMULIH MM2H **secara dalam talian**.

- vi. Tarikh tutup permohonan ditetapkan pada **10 November 2021** dan sebarang permohonan yang dikemukakan selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

4. Pemberian Bantuan Kewangan RM3,000 ini hanya akan diberikan kepada **lesen Ibu Pejabat sahaja**.

Tempoh Sah Lesen Tamat
Sebelum/Pada 31 Disember 2019
dan mengemukakan permohonan
pembaharuan dalam tempoh
PEMERKASA & PEMULIH 2021 (17
Mac 2021 – 10 November 2021)

= Tidak Layak

Tempoh Sah Lesen Tamat
Pada/Selepas 1 Januari 2020

= Layak

